



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk diterbitkan atau disiarkan sebelum 12.00 tengah hari pada hari Khamis, 4 September 2025.**

**SIARAN MEDIA  
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA H1 2025**

**PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA 2025 KEKAL BERDAYA TAHAN**

---

**PUTRAJAYA, 4 September 2025** – Pasaran harta tanah negara kekal berdaya tahan pada separuh pertama 2025 apabila aktiviti pembinaan terus mencatat pertumbuhan meskipun prestasi transaksi menunjukkan sedikit penyusutan. Menurut Laporan Pasaran Harta H1 2025 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), bilangan transaksi harta tanah merekodkan sebanyak 196,232 transaksi, penyusutan sebanyak 1.3%, manakala nilai transaksi meningkat sebanyak 1.9% kepada RM 107.68 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2024.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, berkata pasaran harta tanah negara kekal berdaya tahan walaupun berdepan cabaran ketidakpastian ekonomi global. Inisiatif kerajaan melalui kerangka Ekonomi MADANI dan sokongan berterusan kerajaan melalui pelaksanaan langkah Belanjawan 2025, menjadi pemangkin kepada ketahanan pasaran harta tanah yang merupakan satu indikator utama ekonomi negara.

Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan MADANI telah memperkenalkan langkah untuk menggalakkan permintaan pasaran harta tanah termasuk menyediakan Skim *Step Up Financing* di bawah SJKP sebagai jaminan Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah pertama serta pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman yang dibuat antara 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025 bagi kediaman bernilai RM500,000 hingga RM750,000. Selain itu, penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.75% dijangka mampu meningkatkan kemampuan kewangan pembeli sekaligus merangsang permintaan pasaran harta tanah terutamanya harta tanah kediaman," kata beliau ketika menyempurnakan Pelancaran Laporan Pasaran Harta H1 2025 dan Sistem PRISM 2.0 di Hotel Le Meridien, Putrajaya, hari ini.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah H1 2025 adalah:

- Prestasi aktiviti pembinaan bagi harta tanah kediaman dan industri terus kukuh dengan menunjukkan pertumbuhan positif di semua peringkat pembinaan.
- Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) menunjukkan pertumbuhan tahunan 0.7% berada pada paras 227.3 mata dengan harga purata rumah RM490,376 seunit.
- Segmen pelancaran baharu kediaman, menunjukkan prestasi sederhana, menyusut kepada 23,380 unit, dengan prestasi jualan 24.0%, mencerminkan sentimen berhati-hati di kalangan pemaju.
- Prestasi unit pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual (*unsold completed*) bertambah baik pada H1 2025. Bilangan dan nilai unit siap dibina tidak terjual masing-masing berkurang 8.6% dan 8.1%, menyusut kepada 17,883 unit bernilai RM14.43 bilion, berbanding H2 2024 (19,564 unit bernilai RM15.70 bilion).
- Prestasi kediaman siap dibina tidak terjual (*unsold completed*) merekodkan momentum sebaliknya. Unit kediaman siap dibina tidak terjual merekodkan peningkatan kepada 26,911 unit bernilai RM16.44 bilion, naik 16.3% dan 17.9% dalam bilangan dan nilai berbanding tempoh sebelumnya (H2 2024: 23,149 unit bernilai RM13.94 bilion).
- Prestasi penghunian kompleks perniagaan kekal stabil dengan kadar penghunian berada pada 78.7% berbanding 78.8% pada tempoh sebelumnya. Begitu juga prestasi segmen pejabat binaan khas milik persendirian adalah kekal stabil dengan kadar penghunian kekal 71.7% sejak H2 2024.

### **Momentum Pasaran Harta Tanah Kekal Optimistik Dengan Berhati-hati**

Unjuran semula ekonomi negara bagi tahun 2025 oleh Bank Negara Malaysia kepada 4.0% hingga 4.8%, seiring dengan perkembangan sederhana pasaran harta tanah. Penyesuaian ini mengambil kira cabaran ekonomi global, ketidaktentuan permintaan domestik dan risiko luaran yang sukar diramal. Melangkah ke separuh tahun kedua 2025, trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah dijangka kekal optimistik dengan pendekatan berhati-hati.

Pelan pembangunan yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) turut memberi penekanan sektor harta tanah dengan sasaran membina sejuta rumah mampu milik bagi tempoh 2026 hingga 2035. Langkah ini dilihat sebagai usaha strategik untuk menggalakkan pemilikan rumah sendiri terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sokongan berterusan kerajaan melalui Program Residensi Rakyat (PRR), Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan pembangunan infrastruktur yang strategik, terus menjadi pemangkin kerancangan aktiviti pembinaan.

### **Pelancaran Sistem PRISM 2.0**

Selaras dengan keperluan pengumpulan data yang komprehensif dan telus, NAPIC memperkenalkan **Property Information System Malaysia (PRISM) 2.0**. Sistem ini merupakan sebuah ekosistem digital bersepadu yang mengaplikasikan *emerging technology* termasuk analitik data raya (*big data analytic*). Sistem yang dibangunkan mulai tahun 2023 ini menzahirkan penyampaian data dan maklumat yang cekap, cepat dan efisien selari dengan aspirasi ke arah Kerajaan Digital.

Menerusi penyediaan data harta tanah yang komprehensif ini, menjadikan NAPIC terus unggul menjadi rujukan utama pelbagai agensi dan pelabur harta tanah dalam dan luar negara dengan menyajikan gambaran pasaran harta tanah yang holistik berdasarkan statistik untuk membantu pembuat dasar membuat keputusan strategik berkaitan harta tanah negara.

Laporan Pasaran Harta H1 2025 dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di <https://napic2.jpph.gov.my/>

**Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**

**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)**

**Kementerian Kewangan**

**4 September 2025**